

GURU: PEMBINA NEGARA BANGSA

Ihsan: Panel Penyediaan Teks Khutbah
Kementerian Pendidikan Malaysia

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَحِلُّوا شَعْبِيرَ اللَّهِ وَلَا الشَّهْرَ الْحَرَامَ وَلَا أَهْدَى وَلَا الْقَلْبِدَ وَلَا ءَامِينَ
الْبَيْتِ الْحَرَامِ يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِّن رَّبِّهِمْ وَرِضْوَانًا وَإِذَا حَلَلْتُمْ فَاصْطَادُوا وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ
قَوْمٍ أَن صَدُّوكُمْ عَنِ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ أَن تَعْتَدُوا وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا
عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢﴾ (Surah Maidah, ayat 2)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى الْهَادِي الْبَشِيرِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ
اهْتَدَىٰ بِهِدَاهِمُ عَلَى الدَّوَامِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Marilah kita bertaqwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita akan termasuk dalam kalangan orang yang dikasihi oleh Allah SWT dan seterusnya mendapat kejayaan di dunia dan di akhirat.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Tanggal 16 Mei setiap tahun telah ditetapkan sebagai sambutan Hari Guru peringkat kebangsaan. Ini bagi mengingati jasa dan pengorbanan seorang insan bergelar guru. Ingatlah, walau apapun kedudukan kita sekarang, pastinya bermula daripada didikan seorang guru.

Guru merupakan murabbi, pendakwah yang diiktiraf sangat mulia di sisi agama dan masyarakat, kerana mereka mewarisi tugas-tugas para rasul dalam membimbing manusia ke jalan kebenaran dan membentuk tamadun manusia melalui pendidikan dan penyebaran ilmu. Betapa besarnya peranan guru ini, mereka diibarat seperti bintang di langit yang menjadi petunjuk jalan menerangi laluan sama ada di desa atau di bandar, di darat atau di lautan.

Anas bin Malik RA meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda:

"إِنَّ مَثَلَ الْعُلَمَاءِ فِي الْأَرْضِ كَمَثَلِ نُجُومِ السَّمَاءِ ، يُهْتَدَى بِهَا فِي ظُلُمَاتِ الْبَرِّ وَالْبَحْرِ ، فَإِذَا
انْطَمَسَتِ النُّجُومُ يُوشِكُ أَنْ تَضِلَّ الْهَدَاةُ "

Mafhumnya: "Sesungguhnya perumpamaan orang yang berilmu pengetahuan di muka bumi ini seperti bintang-bintang di langit yang menjadi petunjuk dan menerangi di dalam kegelapan sama ada di daratan mahupun di lautan, apabila ia terbenam atau hilang dikhuatiri akan hilang arah tujuan." (Riwayat Imam Ahmad)

Saidina Umar RA pernah berkata "kematian seribu ahli ibadat adalah sedikit kesannya berbanding kematian seorang alim (Ahli Ilmu) yang mahir ilmu halal, haram dalam syariat Allah".

Imam Syafie amat menghormati gurunya. Beliau pernah berkata: "Malik Bin Anas adalah guruku. Seandainya tidak ada Imam Malik dan guruku seperti Ibnu Uyainah, maka hilanglah ilmu Ulama-Ulama seluruh negeri Hijaz ini".

Saidina Ali Karamallahu Wajhah juga pernah berkata: "Sesiapa yang mengajar aku walaupun satu huruf maka dia adalah guruku".

Imam Ghazali dalam kitab 'Ihya Ulumuddin memetik nasihat Lukman Al-Hakim kepada anaknya supaya menghormati guru, katanya: "Wahai anakku, pergaulilah para guru dan rapatilah mereka dengan kedua lututmu, kerana Allah Taala menghidupkan hati dengan nur (cahaya) hikmah, sebagaimana Allah menghidupkan bumi dengan hujan dari langit".

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Profesion seorang guru bukan sahaja suatu pekerjaan yang murni dan baik, malah menjadi seorang guru perlu menggalas suatu tugas dan cabaran yang hebat untuk mendidik, membimbing dan menunjuk ajar dalam proses membentuk seorang manusia agar menjadi modal insan yang berguna untuk agama, bangsa dan negara.

Dalam mengharungi proses dan sistem pendidikan tersebut khususnya di negara kita, seorang guru sering menghadapi pelbagai cabaran dalam melaksanakan tugasannya di bilik darjah dan sekolah.

Antara cabaran yang sering dihadapi oleh guru ialah berhadapan dengan pelbagai latar belakang masyarakat dan salah faham mereka terhadap peranan guru.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Dalam mendepani cabaran-cabaran tersebut, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia memandang serius berkaitan dengan peranan ibu bapa dan komuniti sekitar terhadap pendidikan dengan mewujudkan e-sarana seperti yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025.

E-sarana merupakan satu usaha bagi meningkatkan penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran anak-anak di dalam dan di luar sekolah. Kemahiran dan kepakaran yang ada pada ibu bapa, dikongsi bersama dalam membina pendidikan anak-anak.

Oleh itu amatlah penting penglibatan ibu bapa bersama anak-anak dan mengambil tindakan yang sewajarnya bagi membantu mereka meraih kejayaan pada masa hadapan. Ibu bapa juga perlu berperanan sebagai guru di rumah.

Sepertimana firman Allah SWT dalam Surah Al-Maidah ayat 2.

... وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ...

Bermaksud: "...Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan..."

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Pada zaman yang serba mencabar ini, anak-anak lebih terdedah dengan pelbagai anasir negatif yang boleh menyebabkan mereka lalai dan leka, sebagai contoh leka dengan telefon pintar, leka dengan internet dan leka dengan pelbagai jenis bentuk hiburan.

Akhirnya peranan guru sebagai pembimbing sebenar telah dipinggirkan, mereka lebih percaya kepada maklumat yang diambil daripada internet yang belum pasti kesahihannya. Budaya ini boleh menyebabkan kekeliruan dan salah faham berlaku dalam perkara ibadah, akhlak dan lebih membimbangkan lagi jika melibatkan akidah.

Kita juga dikejutkan dengan pelbagai berita berkaitan penyertaan rakyat Malaysia dalam kumpulan militan Islamic State dan lebih mengejutkan apabila ada murid sekolah yang terlibat sama. Menurut sumber berita, strategi licik cubaan merekrut pelajar sekolah itu menggunakan medium facebook sebelum membiayai perjalanan mereka ke negara tertentu dengan memberikan tafsiran sempit terhadap erti jihad sebenar semata-mata ingin mendapat balasan syurga.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Al Quran telah mengingatkan kita tentang kepentingan masa. Maka sebagai umat Islam, masa berkualiti amat penting khususnya kepada anak-anak.

Hasil kajian yang telah dibuat, masa anak-anak berada di sekolah hanya 15% manakala masa untuk tidur 33% sementara 52% pula masa anak-anak berada di rumah dan bersama komuniti masyarakat.

Marilah kita bersama-sama memastikan kualiti masa anak-anak dijaga dan diuruskan dengan baik agar tidak menyesal di kemudian hari sebagaimana sabda junjungan Nabi Muhammad SAW:

"إِغْتَنِمْ خَمْسًا قَبْلَ خَمْسٍ : شَبَابَكَ قَبْلَ هَرَمِكَ ، وَصِحَّتَكَ قَبْلَ سَقَمِكَ ، وَغِنَاكَ قَبْلَ فُقْرِكَ ،
وَفَرَاغَكَ قَبْلَ شُغْلِكَ ، وَحَيَاتَكَ قَبْلَ مَوْتِكَ "

Yang bermaksud: "Rebutlah peluang lima keadaan sebelum datangnya lima yang lain, keadaan mudamu sebelum datangnya masa tuamu dan keadaan sihatmu sebelum datangnya faqirmu, keadaan lapangmu sebelum datangnya keadaan sibukmu dan keadaanmu masih hidup sebelum datangnya matimu". (Riwayat Tirmizi)

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Khatib ingin mengajak Jemaah Jumaat sekalian untuk menghayati intipati khutbah yang disampaikan sebagai pedoman di dalam kehidupan kita, antaranya:

Pertama - Guru merupakan insan yang perlu dihormati dan dihargai jasanya, bukan diperlekeh apatah lagi dihina

Kedua – Ibu bapa dan masyarakat juga perlu berperanan sebagai seorang guru di luar sekolah

Ketiga – Pengurusan masa yang berkualiti penting bagi melahirkan pelajar yang cemerlang akademik dan akhlaknya.

Keempat – Negara amat memerlukan modal insan yang berakhlak mulia dan mempunyai kemahiran yang tinggi; dan

Kelima – Semua pihak perlu berganding bahu dalam memartabat pendidikan demi mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat.

Ingatlah, Negara cemerlang terhasil daripada umat cemerlang, umat cemerlang terhasil daripada keluarga yang cemerlang, keluarga cemerlang terhasil dari individu cemerlang manakala individu cemerlang terhasil daripada didikan insan bernama guru.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمِّيِّينَ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتْلُو عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِن كَانُوا مِن قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿١٢١﴾

Maksudnya: "Dia-lah yang telah mengutuskan dalam kalangan orang (Arab) yang Ummiyyin, seorang Rasul (Nabi Muhammad SAW) dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaan-Nya), dan membersihkan mereka (dari iktiqad yang sesat), serta mengajarkan mereka Kitab Allah (Al-Quran) dan Hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum syarak). Dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata"

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ وَاسْتَغْفِرُ اللَّهُ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ النَّائِبِينَ



Diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadith Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.